

Sekolah Kebangsaan Sungai Merab (1964)

Dirujuk oleh

- Kampung Sungai Merab (1860-an)
- Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Sungai Merab (1961)

Latar Pembukaan

1962-12-26: Perancangan Pembinaan Sekolah

"Menteri Besar Selangor Dato' Abu Bakar Baginda telah memuji penduduk2 Kampong Sungai Merab Kajang kerana bersatu hati dan selalu bergotong royong memajukan Ranchangan Kemajuan Luar Bandar daerah ini. Pujian ini telah di-buat oleh beliau ketika beruchap di-hadapan sa-ramai 700 orang ra'ayat di-dalam satu upacara merasmikan sa-buah balai raya yang menelan perbelanjaan sa-banyak \$5,000 di-kampong Ranchangan Kemajuan Tanah Sungai Merab pada hari lthnin yang lalu. Dato' Abu Bakar juga telah mengingatkan penduduk2 yang mendapat tanah di-dalam Ranchangan Kemajuan Luar Bandar di-situ supaya bersungguh memajukan tanah mereka dan dengan berusaha menjayakan tanah itu, penghidupan orang2 yang mendapat tanah baharu itu akan terjamin pada masa yang akan datang. Dato' Abu Bakar telah berjanji kapada penduduk2 kampong di-situ akan membena sa-buah sekolah di-kawasan kampong Ranchangan Kemajuan Tanah itu pada tahun 1963. Dengan ada-nya sa-buah sekolah di-bena di-sini dapat-lah sa-ramai 80 orang kanak2 di-kampong ini melanjutkan pelajaran-nya pada tahun hadapan. Sa-lain itu daripada sekolah itu Dato' Abu Bakar juga akan membena sa-buah masjid untok di-gunakan oleh sa-ramai 85 keluarga petani2 di situ." (Berita Harian, 26 December 1962, Page 9:

|
"PUJI DAN JANJI MB KAPADA PENDUDOK").

1963-10-24: Pembinaan Sekolah

"Kerajaan telah mendirikan dua buah sekolah kebangsaan dalam bidang ranchangan PLB bagi daerah Ulu Langat dan Kajang. Sekolah2 itu ia-lah di Sungai Tekali dan di-kampong Sungai Merab. Sekolah2 itu akan di-buka mu-..." (Berita Harian, 24 October 1963, Page 5:

|
"Dua sekolah PLB di-bena").

Pembukaan

1964-08-01: Pembukaan SK Sungai Merab

"The Mentri Besar of Selangor, Inche Harun bin Haji Idris, will open a national type school at Sungei Merab here on Wednesday. The school is being built under the Sungei Merab Land Development

Scheme." (The Straits Times, 28 July 1964, Page 6:

"Mentri to open new school").

"Menteri Besar Selangor Inche' Harun bin Haji Idris telah menyeru semua orang2 Melayu supaya mengajar bangsa bukan Melayu berchakap bahasa kebangsaan dengan sa-chara sukarela demi untuk meninggikan taraf bahasa kebangsaan yang akan menjadi bahasa rasmi pada tahun 1967 ini. Seruan ini di-buat oleh beliau ketika beruchap di-masa merasmikan Sekolah Kebangsaan Sungai Merab Kajang pada hari Sabtu yang lalu." (Berita Harian, 7 August 1964, Page 6:

"AJAR-LAH BAHASA KEBANGSAAN DGN SUKARELA—MB").

1964-11-11: AJK SK Sungai Merab Dalam



"Gambar menunjokkan Ahli jawatankuasa Lembaga Pengurus Sekolah Kebangsaan Sungai Merab Dalam bergambar ramai bersama2 dengan guru2 sekolah ini kerana merai'kan Pengerusi Lembaga Pengurus dan Penyelia Pembangunan Ranchangan Luar Bandar, Inche' Norizan bin Ahmad bertukar ka-Kuang, Selangor. Dudok nombor tiga dari kiri ia-lah Inche' Norizan dan dudok nombor dua Che'gu Mohd Soom bin Omar guru besar sekolah tersebut." (Berita Harian, 11 November 1964, Page 6:

"MERA'IKAN PENYELIA KA-KUANG").

From:
<https://bangi.pulasan.my/> - Cebisan Sejarah Bangi

Permanent link:
https://bangi.pulasan.my/sk_sgmerab?rev=1758029421

Last update: 2025/09/16 21:30



